

**06/10/2016 - Istiadat Penganugerahan Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam Intan 2016**

Bismillahir rahmanir rahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia;

Yang Berbahagia Tan Sri Haji Ambrin Bin Buang  
Ketua Audit Negara dan Penerima Anugerah Felo INTAN 2016;

Yang Berbahagia Dato' Mohtar Mohd Abd Rahman  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan);

Yang Berbahagia Dato' Sabariah Hassan  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi);

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mazlan Yusoff  
Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN);  
Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan,  
Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, dif-dif kehormat;  
Para Graduan Diploma Pengurusan Awam INTAN,  
dan ahli-ahli keluarga, serta

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

**PEMBUKA BICARA MERAIKAN KEJAYAAN**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan segala puji dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan hidayah dan inayah-Nya jua, kita dapat berkumpul bersama-sama dalam majlis yang gilang-gemilang pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada para graduan kerana telah menamatkan dengan jayanya **Kursus Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam atau DPA anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)**, Jabatan Perkhidmatan Awam. Sesungguhnya majlis ini merupakan detik bersejarah dan manifestasi kejayaan para graduan, setelah bertungkus-lumus mengikuti modul latihan dan pendedahan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan selama 10 bulan berada di INTAN.

3. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Haji Ambrin Bin Buang atas pemilihan beliau sebagai penerima Anugerah Felo INTAN bagi tahun 2016. Felo INTAN ini merupakan anugerah berprestij yang diberikan kepada tokoh-tokoh perseorangan sebagai tanda penghormatan dan penghargaan kerajaan atas sumbangan mereka kepada negara, terutamanya dalam memajukan pentadbiran dan pengurusan awam.

4. Tidak dilupakan, ucapan tahniah ini saya dedikasikan kepada ibu bapa, suami atau isteri para graduan yang sedia berkorban dan berpisah dengan anak atau pasangan masing-masing sepanjang tempoh mereka melalui kursus ini. Saya percaya, doa restu dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan, merupakan antara sumber kekuatan yang sentiasa mengiringi perjuangan mereka sehingga bergelar graduan PTD pada hari ini.

5. Sekalung tahniah dan syabas turut disampaikan kepada INTAN kerana sekali lagi telah membuktikan komitmen dan kesungguhan dalam membentuk insan intelek yang bersihsiah murni dan berdedikasi tinggi. Kejayaan penganjuran Kursus DPA kali ini juga menandakan satu lembaran sejarah baharu telah dirintis oleh INTAN berikutan kursus yang diikuti oleh para

graduan ini telah diiktiraf dan diakui ketinggian kualiti kurikulumnya menerusi kejayaan menerima **akreditasi daripada Malaysian Qualifications Agency atau MQA.**

## **PERKHIDMATAN AWAM: MENCORAK LANDSKAP PENCAPAIAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Perkhidmatan awam merupakan tonggak utama kepada pentadbiran negara. Sebagai penjawat awam, kita bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar Kerajaan terutamanya dibawah Agenda Transformasi Nasional sebagai paksi untuk menggerakkan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

7. Hasil usaha sektor awam dengan kerjasama sektor swasta, disebalik keadaan ekonomi global yang mencabar, negara masih mampu mengekalkan pertumbuhan pada kadar yang tinggi. **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** negara **telah menunjukkan prestasi positif dan** pada tahun ini dijangka kekal **kukuh dengan unjuran perkembangan ekonomi di antara 4 hingga 4.5%.**

8. Sehubungan itu, komitmen dan kerja keras penjawat awam, terutamanya para Pegawai Tadbir dan Diplomatik perlu diteruskan bagi melaksanakan segala inisiatif pembangunan negara dengan rapi serta berkesan.

## **PRAKARSA STRATEGIK MENDEPANI “THE NEW NORMAL”**

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Realiti kehidupan masa kini telah dicorakkan oleh ketidaktentuan ekonomi global yang mendatangkan kesan terhadap kesejahteraan hidup rakyat. Namun, berhadapan dengan fenomena “*the new normal*” tersebut, Kerajaan tetap teguh berpegang kepada dua prakarsa utama. Pertama, bagi **memastikan pertumbuhan ekonomi terus kukuh atas landasan yang betul.** Kedua, **menjaga serta memelihara kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat.**

10. Dalam konteks ini, **Rancangan Malaysia Kesebelas** yang bermula tahun ini, memberi penekanan kepada **Capital Economy** dan **People Economy** kerana Kerajaan yakin bahawa kemajuan sesebuah negara tidak bermakna sekiranya kedua-dua elemen ini tidak diseimbangkan sebaiknya. Dalam konteks ini, keberhasilan **Capital Economy** perlu diagihkan kepada rakyat menerusi mekanisme-mekanisme tertentu demi meningkatkan **People Economy**.

11. Salah satu ikhtiar strategik yang dapat memberi manfaat kepada rakyat adalah melalui **Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS**. Saya percaya majoriti daripada tuan-tuan dan puan-puan sekalian sedia maklum bahawa NBOS merupakan pendekatan kreatif dan bersepadu dalam memastikan pelaksanaan projek yang berkos rendah, berimpak tinggi, pantas dan mampan demi kesejahteraan rakyat. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2009, **NBOS telah berjaya memecahkan tembok silo** di antara kementerian dan agensi sehingga terhasilnya **97 inisiatif atau projek yang melibatkan lebih 80 agensi kerajaan.**

12. Kejayaan Malaysia dan jenama NBOS telah dikongsi dengan seluruh dunia baru-baru ini dengan penganjuran **NBOS International Week 2016**. Penganjuran persidangan antarabangsa ini adalah yang julung-julung kalinya di dunia. Persidangan ini dihadiri oleh ketua-ketua negara dan kerajaan, menteri-menteri, pegawai-pegawai kanan dan peserta-peserta antarabangsa dari kalangan negara-negara anggota ASEAN, Komanwel, OIC dan juga dari benua lain seperti Eropah, Afrika dan Amerika Latin.

13. Mereka telah menzahirkan kekaguman atas kejayaan projek-projek NBOS yang dilaksanakan oleh perkhidmatan awam. Semestinya segala pencapaian yang dicatatkan ini adalah hasil daripada usaha dan komitmen teguh barisan penjawat awam, termasuk Pegawai Tadbir dan Diplomatik selama ini.

14. Sepanjang NBOS International Week 2016 tersebut, Malaysia juga telah menjadi hos kepada **11th CAPAM 2016 Biennial Conference dengan bertemakan “Innovation: A Public Service Imperative”**. Menerusi persidangan berkenaan, pengetahuan baharu dan amalan terbaik mengenai inovasi telah diperkongsikan dan ternyata inovasi menjadi *game*

*changer* kepada kecekapan dan keberkesanan impak perkhidmatan awam, serta menjadi katalis kepada transformasi perkhidmatan awam di seluruh dunia.

15. Justeru, saya suka menyeru di sini agar para pegawai muda dapat **mengamalkan pendekatan NBOS** dalam cara kita menggubal dan melaksanakan dasar-dasar dan program Kerajaan.

## **ASPIRASI DAN HARAPAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

Para graduan yang dihormati sekalian,

16. Semenjak kemerdekaan sehingga kini, perkhidmatan awam Malaysia telah menggalas pelbagai peranan dalam memenuhi kehendak dan ekspektasi kepimpinan negara. Antara peranan tersebut termasuklah sebagai ***advisors, negotiators, service providers, controllers, facilitators*** dan kini sebagai ***drivers*** dan ***trendsetters***.

17. Demi meneruskan legasi perkhidmatan terbilang dan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan sektor awam terus mendapat tempat di hati rakyat, tuan-tuan dan puan-puan perlu mengukuhkan kebolehan dan kemahiran dalam bidang-bidang strategik yang diperlukan. Di sini, saya ingin memetik satu **kajian dalam *Harvard Business Review*(Mac 2016)** iaitu **dijalankan oleh Dr. Sunnie Giles, Presiden Quantum Leadership Group, yang juga konsultan pembangunan kepimpinan dan jurulatih eksekutif profesional.**

18. **Dr. Sunnie Giles telah menyarankan lima tema utama** yang harus dimiliki untuk menjadi pemimpin berwibawa dan berjaya. Kompetensi tersebut ialah:

- ***High Ethical and Moral Standards*** – iaitu moral dan etika kepimpinan yang tinggi, berdisiplin, mematuhi peraturan dan bersifat adil. Etika dan moral kepimpinan yang tinggi akan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi menggalakkan perdampungan sosial, inovasi dan kreativiti.

- **Self-Organizing** – bermaksud kebolehan pemimpin untuk menyediakan matlamat kerja yang jelas dan menterjemahkan strategi kepada pelaksanaan secara strategik dan proaktif;
- **Foster a Sense of Connection and Belonging** – merujuk kepada kekuatan yang ada pada diri pemimpin dan kemampuannya untuk membentuk *esprit-de-corps* dan semangat berpasukan yang mantap bagi menjayakan sesuatu misi dan meningkatkan produktiviti;
- **Openness to New Ideas and Foster Organizational Learning** – iaitu keterbukaan pemimpin kepada idea dan pendekatan baharu, selain menerima perbezaan pendapat untuk memajukan organisasi; dan
- **Nurtures Growth** – berkaitan dengan komitmen dan kemampuan pemimpin untuk mengoptimumkan kebolehan bakat menerusi bimbingan serta *coaching and mentoring* dalam organisasi.

### **Menjunjung Prinsip Kesetiaan dan Integriti**

Para graduan yang dihormati sekalian,

19. Segala bakat dan kebolehan yang perlu ada pada para PTD perlu berubah mengikut peredaran masa dan kehendak *stakeholders*. Namun dua perkara yang perlu sentiasa didokong oleh setiap penjawat awam ialah **Kesetiaan kepada raja, negara dan Kerajaan yang memerintah** serta mengamalkan **Integriti** dalam menjalankan tugas.

20. Justeru, di bahu saudara dan saudari semua, terpikul kewajipan untuk menjaga kerahsiaan maklumat penting dan memelihara keselamatan negara. Patuhi ikrar perkhidmatan dengan sepenuh integriti dan jangan biarkan amalan negatif menjejaskan imej dan kredibiliti perkhidmatan awam.

**PENGHORMATAN KEPADA PENERIMA FELO INTAN 2016**

Hadirin yang dihormati sekalian,

21. Dalam majlis pada hari ini, kita merasa amat bangga kerana dapat memberi penghormatan kepada seorang tokoh perkhidmatan awam yang terkenal dan dihormati. **Ketokohan penerima Felo INTAN 2016, Yang Berbahagia Tan Sri Haji Ambrin Bin Buang** sememangnya diakui atas sumbangan dan khidmat bakti beliau kepada perkhidmatan awam dan negara. Beliau telah mendedikasikan segala usaha dan jiwa raganya untuk memajukan perkhidmatan awam di pelbagai agensi dan kapasiti, termasuk pernah berkhidmat di INTAN, Kedutaan Besar Malaysia di luar negara, Kerajaan Negeri dan Kementerian, malah pernah dipinjam ke sektor korporat sehinggalah memegang jawatan sebagai Ketua Audit Negara.

22. Saya bagi pihak seluruh anggota perkhidmatan awam merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Haji Ambrin Bin Buang atas penganugerahan Felo INTAN 2016. Semoga Yang Berbahagia Tan Sri dan keluarga sentiasa dilimpahi rahmat kesejahteraan yang berterusan daripada Allah SWT jua.

#### **PENYUDAH KALAM PENUTUP BICARA**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

23. Kejayaan menerima Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam ini **hanyalah permulaan kepada perjuangan saudara-saudari dalam perkhidmatan awam**. Dalam hal ini, saya ingin mengingatkan bahawa menjalankan tanggungjawab dan amanah sebagai penjawat awam **bukanlah semudah berburu di padang datar atau setenang belayar di teduhan muara**. Sebaliknya, perjalanan panjang ini bakal dihampari onak dan duri serta pelbagai dugaan akan menghampiri. *But at the same time, you will find great satisfaction in serving your country and fellow countrymen; and experience immense joy in seeing your children and their children grow up in an even better Malaysia because of your contributions.*

24. Akhir kata, saya mendoakan agar saudara-saudari diberikan taufik dan hidayah serta kekuatan untuk terus berkhidmat dengan seikhlas jiwa raga demi agama, bangsa dan negara tercinta. Semoga hasrat murni untuk menjadi warga perkhidmatan awam yang berdedikasi, akan dapat dilaksanakan demi menjunjung amanah dan tanggungjawab untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan awam yang gemilang.

Sekian. *Wabillahittawfik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Bismillahir rahmanir rahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.jpm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2085>